

07 JAN 2004

NAJIB-PELABUR

PELANTIKAN NAJIB TINGKATKAN LAGI KEYAKINAN PELABUR

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri hari ini telah menghapuskan spekulasi berbulan-bulan berhubung siapakah yang bakal dipilih mengisi jawatan kedua penting negara ini.

Apa yang sama pentingnya berikutan pengumuman ini ialah prestasi Malaysia Securities Exchange Bhd dan jika dilihat pada harga-harga saham yang tinggi di bursa hari ini secara keseluruhannya, berita ini sememangnya mencerminkan keyakinan pelabur dalam kepimpinan yang baru ini.

Pendasar Indeks Komposit (IK) melonjak 18.47 mata untuk ditutup pada 805.76 hari ini, melebihi tahap halangan psikologi 800 mata, sekali gus menandakan tahap tertinggi baru untuk tahun 2004.

Untuk tahun 2003, Indeks Komposit telah mencecah tahap tertinggi 817.12 pada 31 Okt.

Pada tarikh yang sama, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri kelima negara selepas pesaraan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Untuk masyarakat perniagaan dan korporat, seorang penganalisis berkata, "Inilah masanya untuk mereka memberikan lebih tumpuan kepada perniagaan mereka."

"Sementara dasar-dasar semasa masih terus kekal, isu geo-politik yang utama (pelantikan berkenaan) telahpun selesai dan ini memberikan suasana pelaburan yang lebih positif untuk perniagaan," tambah beliau.

"Berita lain yang amat dinanti-nantikan ialah tarikh pilihanraya umum," kata beliau. -- BERNAMA

MAS KTC AA